

MESTI BACA

Pembuangan Bahan Sisa

1. Bahan yang boleh dibuang ke dalam singki termasuklah cecair atau larutan berkepekatan rendah seperti bahan neutral, asid dan alkali lemah.
2. Prosedur Operasi Standard (POS) pelupusan bahan sisa biologi ialah prosedur yang digunakan bagi tujuan mengurus pelupusan sisa biologi di dalam makmal.
3. Bagi bahan sisa biologi kategori D seperti serum dan darah, bahan sisa perlu dinyahkontaminasi secara autoklaf sebelum dilupuskan secara terus ke dalam sistem kumbahan melalui singki makmal atau tandas.
4. Apabila berlaku kemalangan tumpahan bahan kimia di dalam makmal, murid perlulah
 - (a) memberitahu kepada guru atau pembantu makmal.
 - (b) Guru perlu menjadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan
 - (c) Sekat tumpahan dengan menggunakan pasir untuk menyekat bahan kimia daripada merebak
 - (d) Kaut tumpahan kimia tersebut dan buang dengan selamat.

PILIHAN JAWAPAN


Bagi soalan 7(a) - (c)

buang	darah
bahan neutral	pasir
serum	kumbahan
guru	asid lemah
autoklaf	
pembantu makmal	
kawasan larangan	
dinyahkontaminasi	

JAWAB

KERTAS 2, BAHAGIAN B

7. Rajah di bawah menunjukkan seorang guru Sains yang sedang menerangkan tentang kaedah pengurusan bahan sisa di dalam makmal kepada anak muridnya.



- (a) Nyatakan **dua** bahan yang boleh dibuang ke dalam singki di dalam makmal Sains.

- (b) (i) Apakah kaedah yang terbaik untuk menguruskan bahan sisa biologi kategori D?

Bahan sisa biologi kategori D perlu _____ secara _____. Kemudian, akan dilupuskan secara terus ke dalam sistem _____.

- (ii) Berikan **dua** contoh bahan sisa kategori D.

- (c) Terangkan langkah-langkah yang harus dijalankan apabila rakan-rakan anda menumpahkan bahan kimia semasa menjalankan eksperimen di dalam makmal.

- Segera memberitahu _____ atau _____
- Jadikan kawasan tumpahan sebagai _____
- Sekat tumpahan dengan menggunakan _____ untuk menyekat bahan kimia daripada merebak.
- Kaut tumpahan kimia tersebut dan _____ dengan selamat.